

18 JAN 2001

Mahathir-Media

DR MAHATHIR CADANG LEBIH BANYAK WARTAWAN JEPUN BERTUGAS DI ASEAN

Oleh: D. Arul Rajoo

OSAKA, 18 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan agar pertubuhan media Jepun menempatkan lebih banyak wartawan mereka di negara-negara Asia Tenggara untuk mendapatkan berita yang betul dari rantau itu.

Perdana Menteri berkata langkah itu akan membolehkan media Jepun mengeluarkan laporan yang tepat dan benar mengenai perkembangan di rantau berkenaan.

"Jepun rapat dengan Asean tetapi malangnya wartawan Jepun tidak menyediakan laporan secara terus mengenai perkembangan di Malaysia dan negara Asia Tenggara yang lain," katanya pada majlis pelancaran buku beliau berjudul "Reflections of Asia" di sini.

Buku itu mengandungi rencana tulisan beliau untuk akhbar Mainichi Daily News antara Februari 1999 dan Jun 2000. Semua temu bual itu dijalankan oleh ketua biro Hong Kong akhbar itu Akiko Kato.

Dr Mahathir yang tiba hari ini untuk lawatan empat hari, berkata media Jepun terlalu bergantung kepada media barat seperti agensi berita yang sering mengeluarkan laporan tidak tepat dan menggambarkan seolah-olah mereka mempunyai agenda tertentu terhadap Asean.

Katanya cadangan menempatkan lebih banyak wartawan Jepun di negara-negara Asean lebih wajar daripada syor supaya 30 wartawan dari rantau Asean ditugaskan di sini.

"Jepun adalah sebuah negara yang kos kehidupannya tinggi. Daripada kami datang ke Osaka, lebih baik anda hantar wartawan ke sana," katanya merujuk kepada cadangan bekas Ketua Pengarah Agensi Perancangan Ekonomi Taichi Sakaiya supaya lebih banyak wartawan dari Asia Tenggara ditempatkan di Osaka.

Taichi membuat cadangan itu semasa bercakap selaku anggota panel pada Simposium Antarabangsa Mainichi untuk mempromosikan rantau Kansai.

Dr Mahathir berkata rencananya dalam akhbar itu telah membolehkan beliau memberi tumpuan kepada isu berhubung Malaysia, Jepun dan Asean selain mengemukakan pendapat Malaysia tentang pelbagai perkara yang lazimnya tidak dapat diikuti di Jepun atau negara-negara lain.

"Saya berharap buku ini laris di sini, bukan kerana wang yang saya akan perolehi, tetapi daripada aspek agar pemimpin-pemimpin Asean didengar. Jika kita hanya membaca laporan barat, saya fikir anda tidak akan pergi atau melabur di Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

AR NZ MAI